

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS SAMBUTAN
ULANG TAHUN PASAR TANI KE-40 PERINGKAT KEBANGSAAN
DAN PERASMIAN PASAR TANI PUTRAJAYA**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : TAPAK PASAR TANI PUTRAJAYA, PRESINT 4

Date : 26/09/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN PASAR TANI
KE-40 PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PERASMIAN
PASAR TANI PUTRAJAYA**

26 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT) | 10.00 PAGI

TAPAK PASAR TANI PUTRAJAYA, PRESINT 4

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

*Alhamdulillah rabbil-‘alamin, naḥmaduhu wa nusalli‘ala rasulihil-karim,
wa ‘ala alihi wa saḥbihi ajma‘in,*

Saudara Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan,

Yang Berhormat Datuk Seri Mohamad bin Sabu;

Saudara Ketua Setiausaha Negara,

Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar;

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan,

Yang Berbahagia Datuk Seri Isham bin Ishak;

Dan rakan-rakan perbadanan dan rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Alhamdulillah, kita dapat menyaksikan kemajuan atas inisiatif Kementerian khususnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam menjayakan dan melebarkan rangkaian Pasar Tani.
2. Benar, masa saya jadi Menteri Pertanian, kita ada anak-anak yang di Universiti Malaya yang hadam kupasan Profesor Ungku Aziz tentang masalah kemiskinan khususnya berkaitan orang Melayu. Kita tahu tentang kekurangan dana, like from capital to land. Tetapi isu yang ditekankan oleh Profesor Ungku Aziz dalam karya-karya awal beliau ialah irregularities in the marketing infrastructure, itu kita hafal ungkapan itu. Maknanya dalam kaedah dan infrastruktur pemasaran lemah sekali kerana dikuasai oleh orang tengah.
3. Istilah umpamanya di kampung-kampung, di desa, hutan, lintah darat, maknanya peranan orang tengah yang mengambil keuntungan berlipat kali ganda. Jadi, hasil yang dikeluarkan oleh petani atau nelayan itu tidak berbaloi kerana permintaan ada, tetapi tekanan oleh orang tengah itu terlalu tinggi.

4. Kalau dilihat dalam politik Malaysia awal kita merdeka, Menteri Pertanian adalah Yang Berhormat Haji Abdul Aziz Ishak dan pejuang kebangsaan dan beliau melihat permasalahan ini dan ada pertelagahan besar dengan lain-lain parti menyebabkan beliau terkeluar dari Jemaah Menteri. Hanya untuk mempertahankan hak dan kepentingan petani, peladang dan nelayan mendapatkan harga yang berpatutan.
5. Saya singkap pengalaman ini kerana menunjukkan betapa pentingnya isu pemasaran dan sebab diwujudkan FAMA. FAMA itu tidak diwujudkan sewenang-wenangnya, tidak. Diwujudkan dalam pergelutan politik yang hangat bahawa tanpa suatu usaha kerajaan pada masa itu, untuk menunjukkan satu badan pemasaran membantu nelayan, petani yang miskin, kalau yang besar-besar tak perlu FAMA, maka keadaan mereka akan kekal meleset.
6. Ini disebutkan irregularities, kelemahan besar dalam infrastruktur pemasaran negara. Tetapi kita lihat upamanya kerana kaedah pelaksanaan itu dan tekanan yang diberi oleh mereka tidak begitu kuat. Maka ia menjadi satu badan atau agensi yang bekerja seperti biasa dalam keadaan yang sangat terbatas.
7. Maka masa saya jadi Menteri Pertanian, berbincang dengan KPP, KSU dan rakan-rakan, saya kata bagaimana kita nak mendidik rakyat dan memberikan peluang. Jadi saya minta semua lori yang ada FAMA, angkut barang dari Tanjung Karang, Sabak Bernam dan daerah-daerah yang berdekatan dengan petani itu sendiri dengan

hasil mereka bawa ke Wisma Tani. Jadi pasar tani pertama dalam sejarah kita pada tahun 1984 itu, di Wisma Tani.

8. Saya kata kita tunjuk, jadi penjawat awam di Wisma Tani itu sudah ratusan. Lebih 400-500 orang. Saya kata siapa nak beli, pergi turun ke bawah. Kita buka dari pukul 3 petang sampai pukul 6 petang sebelum mereka balik, dan beli apa yang ada disitu. Alhamdulillah saya ingat hari pertama itu habis dijual kerana tentunya lebih murah. Masa itu kos pengangkutan ditampung oleh FAMA, kemudahan tempat di tampung oleh Wisma Tani, Kementerian Pertanian di Jalan Duta pada masa itu dan pembelinya itu pegawai-pegawai Kementerian Pertanian. Saya bergurau saya kata 'kalau tak habis, jaga'. Kalau tidak habis, KSU dan Ketua Pengarah beli sampai selesai. Jadi, itulah permulaannya.
9. Kemudian, kita mula runding dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Haji Elyas Omar pada masa itu, menyediakan beberapa tempat dan FAMA mula diberikan peluang, kegiatan. Saya kata tidak apa, saya fikirkan nelayan dan petani dulu, tengok berhasil atau tidak dan kemudian baru dikembangkan di Johor dan negeri-negeri lain. Itu permulaan, tetapi sekarang saya lihat Alhamdulillah, berkembang lebih megah, lebih luas. Tetapi ini harus diteruskan.
10. Kerana seperti YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, beliau jadi ahli parlimen kawasan bandar sekarang ni berbeza walaupun dia kampung di Seberang Perai. Saya masa jadi ahli parlimen di Port Dickson, hubungan dengan nelayan, nyata masih berhadapan dengan masalah kerana hasil ikan yang dijual di situ RM3 ringgit, di

Seremban RM6 ringgit dan dijual di Kuala Lumpur, RM9 ringgit. Jadi gap itu terlalu besar.

11. Pelbagai kaedah dilakukan dan ada beberapa ketika di mana FAMA membantu tetapi digunakan juga apps online jadi ada order tetapi juga terbatas. Kita hebahkan umpamanya harga dalam media sosial jadi orang-orang berdekatan termasuk dari Seremban akan pergi kerana borong pada hari tertentu untuk beli dengan harga lebih murah tetapi hasil kepada nelayan.
12. Dan masalahnya juga di kalangan terutama nelayan kerana dikuasai oleh peraih. Itu pun ada masalah juga, kadang-kadang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam konteks itu cuba nak membeli, tidak boleh kerana mereka terikat dengan hutang. Sebab itu kerjasama di antara agensi-agensi itu penting, FAMA, LKIM, Bank Pertanian itu penting kerana ia tidak ada penyelesaian satu pihak.
13. Umpamanya penyelesaian masalah petani ni bukan sahaja dengan FAMA, mesti ada dengan Jabatan Pertanian, mesti ada dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan mana-mana kaedah dan badan agensi yang boleh menyelaraskan. Saudara-saudara, apa yang dilakukan oleh FAMA dan Kementerian ini penting kerana apabila harga itu dapat terjamin, kita boleh tekankan supaya pengeluaran bertambah. Mana mungkin kita munasabah, umpamanya tanah di Malaysia yang subur ini kemudian kita hadapi masalah pengeluaran makanan yang tidak cukup. Buah-buahan, atau apa-apa jenis makanan, sayuran yang tidak cukup. Langsung tidak masuk akal yang munasabah.

14. Begitu juga bila kita kata di Malaysia kadang-kadang bila musim kemarau, tidak cukup air. Maknanya ada satu masalah dalam perancangan kita. Kita tidak reti simpan masa banjir, masa musim hujan, tidak reti simpan air untuk keperluan petani dan kehidupan masa lain. Inilah yang harus difikirkan dan saya ucap terima kasih kerana itu.

15. Bagaimana mungkin rumah yang ada tanah dibiarkan begitu sahaja? Kemudian kita keluh harga barang mahal dan kita terpaksa beli. Jadi beli daripada pasar tani satu hal, harganya relatif lebih murah tetapi mengapa tanah-tanah hijau yang banyak tidak boleh digunakan untuk tanaman? Ini soal yang kita mesti jawab dan kita kena berkempen secara meluas. Kita boleh sediakan benih, boleh sediakan teknikal know-how, latihan, tetapi mesti galakkan.

16. Jadi saya ucap terima kasih, susah jadi Menteri macam YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu ini, tetapi ikan pun dia boleh supply, bawang pun dia boleh supply. Saya masa COVID-19 dulu saya tanam betul – nenas, pisang, baik masa di Segambut atau pun di Sungai Long. Kalau pisang, betik, nenas itu jamin, dengan sayur. Sayur asin-asin kalau orang Kedah kata, kalau orang sini panggil sayur-sayur manis. Saya masa kecil-kecil dulu sayur saya tidak suka tapi kalau sayur manis satu itu saya makan. Jadi sekarang saya jamin saya tidak kurang tetapi maknanya mungkin saya hanya nak buktikan perkara ini boleh dilakukan.

17. Nenas malangnya tidak berapa jadi. Tetapi pisang, betik, sayur itu jadi dan agak jenuh untuk keperluan makan di rumah baik di

Segambut atau di Sungai Long pada ketika itu. Jadi tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh lakukan. Jadi kempen kita, ya kadang-kadang kita banyak mengeluh, banyak tegur. Sebab itu kalau dalam Islam ini apa pun dia mula dengan diri kita, “Ya ayyuhal-lazina amanu quu anfusakum wa ahlikum naara” (Surah Tahrim, petikan Ayat 6). Dari segi kehidupan kita, akhlak kita, keimanan kita, ma’ruf kita, itu mula daripada diri kita, keluarga kita daripada seksaan api neraka.

18. Dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W “Ibda’ bi nafsika”, mula dari diri kita. Bukan semua orang. Dalam peribadi, dalam akhlak, dalam kerja, dan termasuk dalam soal-soal seperti kata dalam bidang pertanian ini. Ini masalah negara dan saya ucap terima kasih Menteri, KSU, rakan-rakan yang nampak gagah sampai seluruh pelosok negara untuk menentukan hal-hal yang kita import. Seperti dulu bawang import semua. Semua orang mengatakan tidak mungkin kita tanam dan menghasilkan bawang yang banyak. Sekarang ini terbukti boleh dihasilkan.
19. Dulu tidak terfikir bahawa durian boleh menjana pendapatan bilion ringgit, sekarang sudah mencecah bilion ringgit eksport. Hal-hal yang boleh kita lakukan yang tak terfikir sebelumnya termasuk masa saya, saya tak terfikir kalau durian boleh eksport berbilion ringgit, masa saya jadi Menteri Pertanian. Jadi kita lakukan, sebab itu saya kata kita sentiasa memikir kaedah baru. Hari ini, kita secara khusus bicara soal pemasaran.

20. Kalau betul nak tolong petani, pekebun kecil maka pertamanya minta hasilnya bertambah dan menjamin harga yang munasabah dan berpatutan dan ini peranan FAMA maknanya ambil langkah apapun yang perlu, memang saudara YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu tahu, masa mula-mula memang sayam memang FAMA saya seru habis-habisan bukan maksud saya nak cari masalah atau kesilapan tidak, tetapi saya kata kerana apa yang FAMA lakukan itu sebagai sebuah badan itu akan melegakan puluhan ribu petani-petani yang menanam dan harganya bertambah, hasil dia boleh bertambah dan kerja dia pun boleh dengan lebih senang dan berfaedah.
21. Jadi saya harap pasar tani yang sudah menyambut 40 tahun, sejak permulaannya dulu yang sangat kecil, saya tidak boleh bandingkan pasar tani sekarang dan dulu-dulu. Dulu-dulu itu hanya satu permulaan dan tumpang duit Wisma Tani, bayangkan. Bawa pondok kecil pakai di bawah lif, dekat kawasan lif itu tetapi, saya syukur Alhamdulillah dalam permulaan itu saya nak buktikan saja boleh dilakukan kalau tidak teori sahaja.
22. Dengar laporan FAMA, sekejap laporan semua agensi dan tahun ini Kementerian ini berpuluh agensi, letih kita dengan laporan itu minggu-minggu tetapi, kita challenge umpamanya, FAMA okey, bawa, kamu tahu, panggil pegawai FAMA dari daerah-daerah, mana nak cari nenas, pisang, sayur, ikan daripada LKIM tetapi dibawa dan saudara percaya tak? Berlonggok-longgok itu, bila berlori-lori bawa, saya bila tengok pun dah sampai tu saya dah bimbang, saya takut busuk, tidak terjual pula, petani pun marah, pegawai pun marah, politik lebih lagi la, walaupun masa itu pembangkang tidak kuat macam sekarang dan media sosial tidak ada, dia tidak lah teruk

macamni. Kalau masa itu yang kritik saya YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu kritik saya, tetapi Alhamdulillah sampai dalam pukul 9-10 pagi dan petang jam 4 atau lima habis.

23. Jadi kita semua saya ingat lagi masa itu Ketua Pengarah Pertanian, Pengarah FAMA semuanya, dia macam ecstatic, kita gembira luar biasa, berbeza, padahal kita bercakap soal ini dalam kerja hari-hari tetapi apabila kita tengok, kita sendiri usahakan bawakan semua tani, kemudian jual dan selesaikan dengan petaninya, dengan pegawai FAMA, yang bawa lori semua gembira luar biasa, itu permulaan Pasar Tani di Wisma Tani tahun 1984 sebelum diatur di tempat-tempat yang ditetapkan, diluluskan oleh Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang lain.
24. Jadi sekali lagi saya nak ucap setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada rakan-rakan di sini, saya tidak tahu YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu bagi apa suruh umum apa, tidak ada umum. Dia habaq berapa juta, ini pendekatan 5F ini tidak apalah, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu pun sudah tahu, tidak apalah cukup la yang itu. Kalau nak tahu peruntukan, tunggu Belanjawan 2026 pada 10 haribulan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu sempat bisik pulak, 'macam mana ni? diaorang buat kerja kuat ni, jadi kalau tidak bagi tu, kena bagi semangat sikit, peruntukkan lebih sikit'. 10 haribulan nanti.
25. Jadi sekali lagi, saya ucap terima kasih, yang ini penting saudara, kita kerja ini, ini saya cakap macam keluarga, di mesti dengan, apa bahasa Inggeris kata, macam passion, macam YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu kalau dia cakap di Kabinet pasal bawang, beliau bawak

bawang di Jemaah Menteri, saya kata ini apa ni bawak bawang ni? Tetapi beliau nak tunjuk benda tu, saya suka Menteri bila macam itu. Beliau passionate, cuma saya pesan jangan bawak durian, nanti bau tetapi yang lain beliau bawa, yang lain beliau makan di luar. Bawa bawang, bayangkan bawang dibawa nak tunjukkan kepada Perdana Menteri, it can be done. Siapa kata tidak boleh? Jadi saya nak bagi galakkan kepada saudara-saudara teruskan kerja, mudah-mudahan amal kita ni direstui Allah SWT dan negara kita ini juga selain daripada AI dan teknologi yang juga terpakai untuk kerja kita ini, tetapi ini semua akan beri manfaat kepada rakyat selain daripada minyak turun.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-sambutan-ulang-tahun-pasar-tani-ke-40-peringkat-kebangsaan-dan-perasmian-pasar-tani-putrajaya/>